

UMS Ungguli Penyelidikan Sains Sukan 2012

Oleh : Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, SPPS

PENAWARAN kursus program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan dengan Kepujian (HS20) di Universiti Malaysia Sabah yang bermula pada tahun 2004 bukan sahaja telah melahirkan graduan yang terlatih dalam bidang sains sukan malah turut mengumpulkan para penyarah yang berwibawa dalam penyelidikan sukan. Kajian dalam bidang sains sukan adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat kerana konsep-konsep yang diterap dapat membantu jurulatih dan pelatih dalam meningkatkan teknik-teknik dalam bidang kesihatan dan jasmani. Sains sukan bukanlah satu bidang khas yang melatih seseorang menjadi cergas dalam melakukan suatu aktiviti yang bertujuan meningkatkan prestasinya. Sebaliknya, bidang ini membantu memahami tindak balas badan manusia seperti organ, sistem saraf, sistem otot, dan tenaga dalam badan semasa melakukan sesuatu sukan. Bidang ini merangkumi kinesiologi, biomekanik, anatomi dan fisiologi.

Kumpulan penyelidik sukan UMS (*High Performance Sport Science Research Team*) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Razali Abdullah telah memperoleh geran komuniti dari pihak CIMB Foundation sebanyak RM50,000 pada tahun 2011 dan RM30,000 pada tahun 2012. Geran ini telah membantu pelaksanaan program '*Ranau – Run for Life*' di mana modul dan latihan telah diberikan jurulatih-jurulatih sekolah larian jarak sederhana di daerah Ranau. Penyelidikan dan pertandingan yang dijalankan berjaya melahirkan beberapa atlit yang telah berjaya memperoleh pingat di peringkat MSSM dan SUKMA. Dr. Razali merupakan Pakar Rujuk Sains Sukan Kontinjen SUKMA Terengganu yang telah menjuarai SUKMA empat kali berturut-turut.

Kumpulan ini juga telah berjaya menerima geran penyelidikan *Exploratory Research Grant Scheme (ERGS)* dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia berjumlah RM90,000 pada bulan Julai 2012. Kajian bertajuk '*Effects of a Core Muscles Training on the Postural Sway of Adolescent Archers*' ini diketuai oleh Pathmanathan K. Suppiah. Geran ERGS ini turut mencatat sejarah sebagai geran pertama yang diberikan kepada penyelidik sains sukan di Malaysia. Pathmanathan juga merupakan panel kursus sains sukan Majlis Sukan Negara dan panel program pembangunan olahraga MSN.

Geran Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) 2012 dari pihak KPT turut dianugerahkan kepada dua penyelidik sains sukan UMS iaitu Dr. Mohamad Nizam Nazarudin dan Hasnol Noordin. Dr. Nizam dengan kajiannya bertajuk '*A Cross Sectional Study to Identify Increasing Prevalence of Heavy School Bag and Its Impact on Musculoskeletal System among Elementary School Children*' telah menerima geran sebanyak RM 40,000. Dr. Nizam turut merupakan Penilai Prestasi Pengadil *Asia Rugby Football Union (ARFU)* yang aktif dan yang terbaru terpilih sebagai *Educators International Rugby Board* yang boleh mengeluarkan sijil kepengadilan ragbi di seluruh dunia.

Hasnol Noordin menerima RM40,000 bagi kajian yang bertajuk '*Model Prestasi Psiko-Biologi Pemain Ragbi Elit Remaja Kebangsaan dengan Pencapaian Pasukan*'. Hasnol merupakan jurulatih ragbi yang berpengalaman dan pernah membimbing Negeri Selangor menjuarai MSSM.

Sekali lagi pasukan penyelidik ini telah diberi pengiktirafan pada awal bulan Januari tahun ini apabila dua dari tiga kertas cadangan kajian mereka telah terpilih menerima Geran Skim Penyelidikan Sukan (SRGS) KPT 2012. Kajian yang berjaya memperoleh dana penyelidikan bertajuk '*MOHEAC (Version 1.0): A New Dimension in Aerobic Conditioning*' yang diketuai oleh Patmanathan manakala kajian bertajuk '*Prototaip Instrumen Latihan dan Pengukuran Ketangkasan Reaktif Atlit UMS ATTE-1.0*' pula diketuai oleh Hasnol. Dana penyelidikan yang diterima adalah berjumlah RM70,000.

Kajian – kajian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya pemantauan perlu dilakukan terhadap atlit SUKMA Sabah jika Sabah ingin menempah nama sebagai Juara SUKMA. Cadangan ini turut mendapat sokongan Kementerian Belia Dan Sukan Sabah serta MSN Sabah dan sedang di dalam proses penubuhan unit yang berfungsi membuat kajian serta pemantauan prestasi atlit. Kumpulan penyelidik sukan UMS ini turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin menyumbangkan dana atau membuat penyelidikan berkaitan bidang sukan pada masa akan datang.